



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 25 MAC 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SOALAN LAZIM MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (BILANGAN 3), NASIONAL, SH -9 2. KERAJAAN JAMIN BEKALAN MAKANAN CUKUP, NEWS, SELANGOR KINI -8 3. JAWATANKUASA KHAS PASTIKAN BEKALAN TAK TERPUTUS, NASIONAL, BH -6 4. SPECIAL COMMITTEE TO ENSURE ADEQUATE SUPPLY OF FOODSTUFF - ISMAIL SABRI, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -1 5. MITI SETS APPLICATION DEADLINE FOR FIRMS TO CONTINUE OPERATIONS DURING MCO, THE EDGE MARKET -ONLINE 6. COVID-19: PERMOHONAN SYARIKAT UNTUK TERUSKAN OPERASI DITUTUP 11.59 MALAM INI, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Soalan lazim mengenai Perintah Kawalan Pergerakan bagi Kementerian Pertanian dan Sinar Harian		
MediaTitle	25 Mar 2020	Color	Full Color
Date	Nasional	Circulation	140,000
Section	9	Readership	420,000
Page No	Malay	ArticleSize	565 cm ²
Language	N/A	AdValue	RM 11,978
Journalist	Daily	PR Value	RM 35,934



Soalan lazim mengenai Perintah Kawalan Pergerakan bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Bilangan 3)

Jabatan perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis)

1. Adakah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan ini permohonan permit tidak dapat diteruskan?

Permohonan permit import dan eksport masih berjalan seperti biasa.

2. Bolehkah saya nak import atau eksport barang pertanian dari ke luar negara buat masa ini?

Ya boleh. Maqis tidak menerima sebarang arahan untuk menyekat apa-apa pengimportan dan pengeksportan barang pertanian.

3. Adakah pintu masuk negara masih beroperasi?

Ya, pintu masuk negara masih beroperasi seperti biasa dan pegawai Maqis akan membuat pemeriksaan konsaln seawaknya barang tiba atau keluar.

4. Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan ini, adakah permohonan permit saya tidak dapat diproses dan diluluskan oleh pegawai Maqis?

Permohonan permit import dan eksport masih berjalan seperti biasa di mana untuk komoditi ikan dan pertanian akan diluluskan secara auto-approve sekiranya permohonan adalah lengkap. Bagi komoditi halwan dan mana-mana permohonan komoditi ikan dan pertanian yang diliis secara tidak lengkap, permohonan tersebut akan diproses secara manual oleh pegawai Maqis yang bertugas.

5. Sebarang pertanyaan permohonan

permohonan, di mana saya boleh ajukan?

Tuan-tuan boleh ajukan pertanyaan dan aduan di feedback@maqis.gov.my atau terus berhubung dengan pejabat operasi Maqis di pintu masuk seluruh negara.

6. Bagaimana untuk berhubung dengan pegawai Maqis sepanjang tempoh kawalan pergerakan memandangkan Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri tidak beroperasi sepanjang tempoh tersebut?

Sebarang pertanyaan boleh e-melkan kepada feedback@maqis.gov.my atau melalui talian 03-8870 8000.

7. Adakah proses kelulusan permit masih dilanjutkan?

Proses kelulusan permit masih berjalan seperti biasa. Mengikut piagam polanggan, tempoh kelulusan permit adalah dalam tempoh 24 jam. Untuk komoditi ikan dan pertanian akan diluluskan secara auto-approve sekiranya permohonan lengkap dan hanya mengambil

masa 1-3 minit. Namun untuk komoditi halwan akan diluluskan secara manual dalam tempoh 24 jam.

8. Adakah terdapat sekatan bagi kemasukan halwan hidup ke dalam Malaysia?

Maqis masih tidak mengenakan sebarang larangan kemasukan bagi halwan hidup ke dalam Malaysia buat masa ini.

9. Adakah Maqis telah mengenakan apa jua larangan pergerakan komoditi pertanian antara negara-negara yang bersempadan dengan Malaysia?

Maqis tidak mengenakan apa jua larangan pergerakan terutama yang melibatkan jaluan darat, udara dan laut untuk komoditi tumbuhan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisme, halwan, karkas atau daging dan ikan. Namun, pengimport ataupun pengeksport perlu memohon permit import atau eksport daripada Jabatan Maqis untuk tujuan tersebut melalui sistem e-permit..

Namun, arahan daripada Majlis Keselamatan Negara boleh mengatasi apa jua ketetapan yang ditentukan oleh pihak Maqis.

10. Sekiranya terdapat kesalahan berlaku semasa pemeriksaan konsaln di pintu masuk, adakah permohonan rayuan bagi konsaln tersebut masih diproses mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan?

Sebarang permohonan rayuan akan diberi maklum balas dalam tempoh selewatawnya dua hari bekerja dan keputusan bagi pemohon tersebut akan dimaklumkan dalam tempoh tujuh hari bekerja.

11. Adakah aktiviti pemeriksaan konsaln masih dijalankan di pintu masuk di mana mass gathering tidak dibenarkan berkutan penyebaran wabak Covid-19?

- Aktiviti pemeriksaan bagi pengimportan dan pengeksportan tetap diteruskan supaya barang pertanian yang dibawa masuk atau keluar bebas daripada serangan perosak dan sebarang penyakit yang berbahaya;
- Tindakan pencegahan dan keselamatan akan diambil soleras dengan arahan MKN.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Dvs)

12. Adakah bekalan daging dan telur ayam mencukupi untuk keperluan semasa?

Pengeluaran serta bekalan daging dan telur ayam yang kebanyakannya dihasilkan secara tempatan di Malaysia adalah mencukupi untuk menampung permintaan domestik.

Secara purata, pengeluaran ayam adalah antara 57 sehingga 59 juta ekor sebulan berbanding penggunaan dalam negara yang dicatatkan antara 43 sehingga 45 juta ekor sebulan. Manakala pengeluaran telur sebulan adalah sebanyak 800 juta biji berbanding penggunaan yang dicatatkan pada sekitar 620 sehingga 630 juta biji sebulan.

13. Adakah bekalan daging lembu dan daging kerbau mencukupi untuk keperluan semasa?

Bekalan daging lembu dan kerbau sebanyak 18,000 tan metrik termasuk bekalan daging sejak beku yang dilimpot dari negara luar seperti Australia dan India dianggarkan mencukupi untuk keperluan semasa.

14. Adakah selamat menggunakan dan mengambil produk ternakan semasa Covid-19?

Selamat untuk menggunakan dan mengambil produk ternakan kerana DVS mengambil langkah waspadai dengan menjalankan pemantauan terhadap produk halwan yang dilimpot dan juga ternakan domestik bagi memastikan ia bebas daripada Covid-19. Sehingga kini laporan World Organisation for Animal Health tidak menunjukkan sebarang penularan wabak Covid-19 pada ternakan.

15. Adakah halwan ternakan di Malaysia boleh dijangkiti Covid-19?

- Sehingga kini DVS tidak menerima sebarang aduan atau laporan berhubung halwan ternakan tempatan yang diancam Covid-19, sejak berlakunya penularan wabak penyakit ini.
- Setakat ini juga masih tiada bukti yang jelas berhubung penularan wabak dan transmisi Covid-19 membahayakan halwan ternakan.

16. Adakah kaunter Perkhidmatan Import Eksport di DVS Putrajaya beroperasi sepanjang Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

- Bagi urusan di Kaunter Perkhidmatan Import Eksport, DVS Putrajaya (pengambilan Sijil Kesihatan Veterinar sarang burung walit ke China dan penghantaran dokumen) dibuka pada tarikh tertentu dan masa pengambilan adalah bermula 9 pagi hingga 12 tengah hari.
- Hari pengambilan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) seperti berikut:

- 19 Mac 2020 (Rabu)
- 20 Mac 2020 (Jumaat)
- 24 Mac 2020 (Selasa)
- 26 Mac 2020 (Khamis)

v. 31 Mac 2020 (Selasa).

17. Adakah kaunter permohonan untuk pemindahan ternakan dan sijil kesihatan di negeri beroperasi sepanjang Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Ya, semua perkhidmatan kritikal Jabatan Perkhidmatan Veterinar seperti kawalan penyakit, perkhidmatan pengeluaran permif pergerakan antara negeri dan pengeluaran sijil kesihatan beroperasi secara berjadual. Sila rujuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar terdekat untuk mendapatkan jadual perkhidmatan.

18. Adakah Kaunter Makanan Halwan beroperasi sepanjang Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Ya, kaunter perkhidmatan pelesenian di bawah Akta Makanan Halwan dibuka seperti biasa.

19. Adakah semasa tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, siasatan ke atas aduan-aduan berkaitan kes panganlayaan terhadap halwan diteruskan?

Pengutukuan terhadap semua peraturan, perundungan, erakmen dan akta adalah berjalan seperti biasa. Setiap aduan akan diterima oleh pegawai yang telah dilugaskan.

20. Adakah perkhidmatan klinik veterinar DVS beroperasi sepanjang Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Klinik veterinar DVS sama seperti klinik veterinar swasta hanya beroperasi terhadap kes-kes tertentu; Kes-kes kecemasan seperti kemalangan dan kecederaan halwan; Kes rawatan atau pemvakisan yang temu janji yang telah dimeterai sebelum 18 Mac 2020 dan kes rawatan susulan yang telah berada di klinik atau hospital (*In patient*); Boarding sedia ada yang telah diterima sebelum 18 Mac 2020.

21. Adakah Klinik Veterinar Swasta dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan?

Klinik veterinar swasta hanya beroperasi terhadap kes-kes tertentu; Kes-kes kecemasan seperti kemalangan dan kecederaan halwan; Kes rawatan atau pemvakisan yang temu janji yang telah dimeterai sebelum 18 Mac 2020; Kes rawatan susulan yang telah berada di klinik atau hospital (*In patient*); Boarding sedia ada yang telah diterima sebelum 18 Mac 2020.

22. Adakah kedai halwan kesayangan yang menjual makanan halwan dibenarkan beroperasi sepanjang Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Boleh beroperasi dengan kadar minimum.

Headline	Kerajaan jamin bekalan makanan cukup		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	25 Mar 2020	Color	Black/white
Section	News	Circulation	250,000
Page No	8	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	145 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,428
Frequency	Weekly	PR Value	RM 4,283



Kerajaan jamin bekalan makanan cukup

PUTRAJAYA - Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa tiada keperluan untuk melakukan pembelian panik kerana bekalan makanan adalah mencukupi dan boleh didapati pada setiap masa.

Beliau mengakui bahawa terdapat beberapa tahap pembelian panik dalam kalangan masyarakat susulan pandemik Covid-19 yang dihadapi dunia ketika ini, termasuk Malaysia.

"Malam ini kita akan turut membin-cangkan isu ini, tetapi secara jujur, ja-nanganlah terlalu risau. Bekalan makanan mencukupi untuk semua orang," kata-nya selepas mempergerusikan Mesu-arat Tindakan Ekonomi pertama di sini pada 16 Mac lalu.

"Kami telah mengarahkan Kemen-terian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan bekalan makanan yang penting adalah mencukupi serta boleh didapati pada setiap masa," katanya.

Muhyiddin juga berkata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah di-arah memantau situasi di lapangan.

Muhyiddin juga berkata: "Hadapilah situasi ini dengan tenang, kami akan memastikan bahawa bekalan makanan mencukupi dan boleh didapati pada se-tiap masa, jangan tergesa-gesa.

"Beli dan simpan apa yang perlu se-perti biasa, kami akan memastikan baha-wa anda boleh mendapatkan barang makanan pada bila-bila masa sahaja," ka-tanya. – BERNAMA

Headline	Jawatankuasa khas pastikan bekalan tak terputus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	6	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	457 cm ²
Journalist	Rafidah Mat Ruzki	AdValue	RM 15,191
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,572



Penularan COVID-19

Jawatankuasa khas pastikan bekalan tak terputus

Konsep dari ladang kepada pengguna berterusan, rantai tidak terganggu

Oleh Rafidah Mat Ruzki,
Rohaniza Idris dan Mohd
Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menukar satu jawatankuasa khas bagi memastikan kelancaran rantai bekalan makanan kepada penduduk sepanjang tempoh peringkatuan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata jawatankuasa itu dianggotai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Katanya, jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Menteri MITI, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang juga Menteri Kanan. "Jawatankuasa ini akan memastikan bahan dan bekalan makanan bukan sahaja boleh dihasilkan, boleh juga dihantarkan serta dibungkus.

"Secara tidak langsung jawatankuasa ini akan memastikan konsep dari ladang kepada pengguna berterusan dan rantainnya tidak terganggu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempenger-



Ismail Sabri bersama (dari kiri), Mohd Radzi, Mohamed Azmin dan Fadillah pada sidang media di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

rusikan Mesyuarat Khas Menteri Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP di Putrajaya, semalam.

Ismail Sabri berkata, pembubuhan jawatankuasa itu penting sebelum timbul beberapa masalah seperti bekalan makaman rosak.

Kementerian Pertanian (dan Industri Makanan) sebagai contoh akan memastikan bekalan makaman seperti ikan, sayur dan sebagainya boleh diperoleh.

"Dari segi penghantaran juga penting kerana ada waktunya kenderaan membawa makaman tidak dapat digunakan atas sebab tertentu," katanya.

Dalam pada itu, beliau meng-

Jawatankuasa ini akan memastikan bahan dan bekalan makanan bukan sahaja boleh dihasilkan, boleh juga dihantarkan serta dibungkus.

**Ismail Sabri Yacob,
Menteri Kanan (Keselamatan)**

ngatkan orang ramai tidak berpusu-pusu di bank atau mesin pertukaran wang automatik (ATM).

"Kita faham dalam tempoh terdekat orang ramai yang menerima gaji daripada majikan masing-masing. Oleh itu, kita menjangkakan kesesakan akan berlaku.

"Jadi kita mungkin akan meminta polis dan tentera jika perlu untuk mengawal dan memastikan perjirakan sosial dipatuhi," katanya.

Katanya, pihak bank juga diminta menentukan jumlah individu dibenarkan berada dalam bank bagi satu masa untuk mengelak kesesakan.

Headline	Special committee to ensure adequate supply of foodstuff — Ismail Sabri		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	25 Mar 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	1	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	101 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 689
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,066



Special committee to ensure adequate supply of foodstuff — Ismail Sabri

PUTRAJAYA: A special committee headed by International Trade and Industry Minister (Miti) Datuk Seri Mohamed Azmin Ali is to be set up to ensure adequate supply of foodstuff during the ongoing Movement Control Order (MCO) period, it was announced yesterday.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said besides Miti, the committee would also comprise

representatives from the Agriculture and Food Industry Ministry and Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

The committee would discuss the food supply chain and transportation of foodstuff to the consumer besides the supply of foodstuff, he told a press conference after an MCO special meeting of senior ministers here.

"The committee will also look into the food supply chain, for

example the Agriculture and Food Industry Ministry making sure that fish, vegetables and so on can be procured.

"It will ensure that the food produced can be sent to the consumer, from the farm to the table, without disruption," said Ismail Sabri, who is also the Defence Minister.

The MCO would be in force up to March 31. It was imposed on March 18 to break the chain of infection of Covid-19. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2020	THE EDGE MARKET	ONLINE	

MITI sets application deadline for firms to continue operations during MCO



KUALA LUMPUR (March 24): The Ministry of International Trade and Industry (MITI) has set 11.59pm on Tuesday March 24, as the final deadline for companies to apply to continue their business operations during the Movement Control Order (MCO).

In a statement on Tuesday, the ministry said the setting of the final date is to ensure that these companies' applications would be received and processed as soon as possible, as MITI has to screen thousands of applications after the deadline.

Trade and Industry Datuk Seri Mohamed Azmin Ali has been established to ensure the continued supply of essential goods to the people.

The special committee will also include Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Seri Ronald Kiandee and Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs Datuk Alexander Nanta Linggi.

"To ensure guaranteed supply of these essential items, companies' applications covering food, beverages, medicines, medical equipment including ventilators, syringes, personal protective equipment such as face masks, medical gloves, thermometers, emergency kits and personal care products such as cleansing soaps, body cleansing products, shampoo and sanitizers are approved.

"Since the opening of applications for companies to continue their business operations on March 19, the sectors that the government has approved include the manufacturing and production of essential public products categorised as important and critical," it said.

These include food and beverages, household products including hand sanitisers, personal protective equipment including face masks, pharmaceuticals, packaging and printing materials especially for the food and beverage industry, medical devices and surgical instruments, and oil and gas.

All applications are to be made online through email via the MITI website.

MITI said companies must adhere to the conditions, including having a minimum number of workers on duty, making products that prioritise the local market, and implementing the Covid-19 prevention guidelines and procedures outlined by the Ministry of Health.

It added that applications are rejected due to several reasons, including the company not being in an important and critical sector, providing incomplete or inaccurate information, and not submitting a plan to reduce the workforce to a minimum level or at least by 50% as set forth by the government.

#dudukrumahdiamdiam. We will deliver the news to you at theedgemarkets.com.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

COVID-19: Permohonan syarikat untuk teruskan operasi ditutup 11.59 malam ini



KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menetapkan tempoh akhir syarikat menghantar permohonan untuk meneruskan operasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah 11.59 malam ini.

Penetapan ini adalah untuk memastikan permohonan syarikat yang diterima dapat diproses segera.

Selepas tarikh akhir ini, MITI akan memberi fokus menyaring permohonan yang telah diterima.

MITI dalam kenyataannya berkata, sebuah Jawatankuasa Khas yang akan diketuai Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, disertai Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee serta Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi telah ditubuhkan untuk memastikan kelangsungan bekalan produk keperluan asas kepada rakyat.

"Bagi memastikan bekalan keperluan asas ini terjamin, permohonan syarikat meliputi makanan, minuman, ubat-ubatan, peranti perubatan termasuk ventilator, picagari, peralatan perlindungan diri (PPE) iaitu topeng muka, sarung tangan perubatan, termometer, kit kecemasan, barang penjagaan diri seperti sabun pencuci, bahan pembersih diri, syampu dan sanitiser diluluskan," katanya.

Syarikat yang memohon perlu mengikuti syarat-syarat yang disenaraikan antaranya adalah diwajibkan untuk menetapkan jumlah pekerja yang bertugas berada di tahap minimum; pengeluaran produk/hasil

syarikat memberi keutamaan kepada pasaran tempatan; dan melaksanakan garis panduan dan prosidur pencegahan COVID-19 seperti

ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

MITI turut menjelaskan antara punca-punca permohonan-permohonan ditolak adalah kerana syarikat yang memohon bukan dikategorikan di dalam sektor yang penting & kritikal; mengemukakan maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat; dan tidak mengemukakan pengurangan jumlah tenaga kerja ke tahap minimum ataupun sekurang-kurangnya 50 peratus seperti yang ditetapkan kerajaan.